

Pemimpin BN Sabah Diminta Tidak Bangkitkan Isu Politik Secara Terbuka Di Media Bernama
21 Ogos, 2012

KOTA KINABALU, 21 Ogos (Bernama) -- Umno Sabah menggesa parti-parti komponen lain Barisan Nasional (BN) di negeri ini agar tidak membangkitkan sebarang isu politik secara terbuka, sebaliknya melalui saluran yang betul.

Menggesa demikian, ketua Wanita Umno Tenom Datin Ramahjan Sulaiman Khan berkata ini perlu dipatuhi walaupun parti komponen bebas menyuarakan pandangan mengenai sesuatu perkara, atau membuat sebarang tuntutan.

Beliau berkata membangkitkan isu parti secara terbuka di media akan memberi ruang kepada parti pembangkang untuk mengeksploitasi keadaan bagi meraih sokongan rakyat menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Kita harus mengambil iktibar daripada nasihat Perdana Menteri yang meminta kita dalam BN bergerak sebagai satu pasukan seperti yang ditekankan juga oleh Ketua Menteri (Datuk Seri Musa Aman)," kata Ramahjan pada persidangan media di sini.

Ramahjan, ketua pergerakan wanita Umno Tenom, mengulas kenyataan ketua Parti Bersatu Sabah (PBS) Melalap yang juga Naib Presiden PBS, Datuk Radin Malleh di akhbar hari ini bahawa parti itu mahu kepimpinan BN "memulangkan" kerusi Parlimen Tenom kepada PBS pada pilihan raya umum akan datang.

Kerusi itu kini dipegang oleh Datuk Raime Unggi dari Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689118>